

Jenayah rogol kanak-kanak

HUBUNGAN seks yang dilakukan oleh orang dewasa kepada seorang kanak-kanak perempuan perlu dihukum seberat-beratnya.
- Gambar hiasan

Tidak timbul isu persetujuan dan tiada kemaafan walau dengan alasan tidak mengetahui gadis itu bawah 16 tahun

SALAH satu kategori penderaan terhadap kanak-kanak ditakrifkan oleh seksyen 17(1)(a) dan (b) Akta Kanak-kanak 2001.

Takrifan penderaan berdasarkan seksyen tersebut yang pertama ialah kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal atau emosi atau dianiyai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarga.

Takrifan kedua ialah kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal, emosi atau seks dan ibu, bapa atau penjaganya tahu tentang kecederaan atau penganiayaan atau kemungkinan sedemikian, tetapi tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu.

Namun penderaan seksual di bawah Akta Kanak-kanak hanya menjuruskan kepada eksploitasi seks seperti yang diperuntukan oleh S17(2)(c).

Akta ini tidak memasukkan peruntukan rogol kerana ia dimasukkan dalam Kanun Keseksaan. Berdasarkan Seksyen 375 Kanun Keseksaan rogol berlaku apabila seorang lelaki mengadakan hubungan seks dengan seorang perempuan di bawah keadaan berikut:



Fiqh Munakahat

Bersama PROF. MADYA DATIN NOOR AZIAH MOHD AWAL dari Fakulti Undang-undang, UKM dan Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia, Yadim. Boleh dihubungi di naha61@gmail.com

maka persetujuan juga tidak relevan. Pelaku juga tidak dapat dimaafkan hanya kerana dia tidak tahu gadis itu bawah 16 tahun.

Tetapi peruntukan ini tidak terpakai jika lelaki dan wanita di bawah 16 tahun itu telah berkahwin secara sah.

Oleh yang demikian, peruntukkan ini secara langsung tidak terpakai kepada orang Islam yang mana di bawah peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, umur untuk berkahwin ialah 18 tahun bagi lelaki dan 16 bagi perempuan.

Jika pasangan ingin berkahwin di bawah umur yang telah ditetapkan oleh enakmen, maka mereka perlu memohon kepada Hakim Syarie. Biasanya permohonan dibuat oleh wali dan mahkamah akan mempertimbangkan kesesuaian perkahwinan yang dicadangkan.

Apabila mahkamah bersetuju maka akan mengeluarkan perintah kebenaran

tiada aduan, dan kedua-duanya serta keluarga pula bersetuju untuk menikahkan pasangan maka tindakan tidak boleh diambil.

Ada beberapa kes di mana ibu bapa gadis sangat marah dan malu dengan perbuatan anak perempuannya dan terus membuat laporan polis.

Biasanya gadis itu mengaku bahawa perhubungan tersebut dibuat dengan kerelaan.

Polis perlu mengambil tindakan dan pasangan lakinya ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana mereka belum bernikah dan ibu bapa gadis tidak bersetuju untuk menikahkan anaknya dengan kekasihnya itu.

Bagi saya hubungan seks dengan gadis bawah umur jika dilakukan sebelum bernikah adalah zina dan hukumnya berdosa.

Ibu bapa perlu duduk sejenak berfikir kenapa ia berlaku dan cuba mencari jawapan untuk menghalang daripada

Ujosen 31/7/13
MS 11

Selaraskan had umur berkahwin

OLEH kerana kanak-kanak ditakrif sebagai yang berumur di bawah 18 tahun, maka umur perkahwinan dan hubungan seks juga perlu diselaraskan.

Mahkamah syariah juga, apabila ada permohonan perkahwinan bawah umur, pasangan hendaklah dihukum terlebih dahulu jika mereka mengaku bahawa mereka ingin berkahwin kerana telah terlanjur dan kerana anak gadis sudah mengandung.

Kenapakah mahkamah syariah boleh menghukum seorang gadis yang melahirkan anak luar nikah kerana gadis itu gagal membuat aduan kepada polis yang dia dirogol atau lelaki yang mengadakan hubungan seks dengannya telah hilang?

Sedangkan bagi kes permohonan perkahwinan bawah umur, pasangan biasanya mengaku telah terlanjur dan mereka diberi kebenaran untuk bernikah?

Ini kerana hakim melihatnya sebagai satu rasa insaf dan mahu

a. Tanpa persetujuan;

b. Tanpa kebenarannya;

c. Dengan persetujuan tetapi diberikan kerana wanita itu takut akan keselamatannya atau kerana salah tafsiran dan lelaki itu tahu persetujuan diberi secara demikian.

d. Dengan persetujuannya kerana wanita itu percaya bahawa lelaki itu suaminya dan lelaki itu tahu dia bukan suami yang sah;

e. Dengan atau tanpa persetujuan wanita bawah umur 16 tahun.

Bagi kepentingan perbincangan ini ialah pada perenggan 'e' dengan atau tanpa persetujuan wanita yang berumur di bawah 16 tahun.

Ini bermakna mengadakan hubungan seks dengan gadis di bawah umur 16 tahun adalah satu kesalahan rogol dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Isu persetujuan tidak timbul kerana undang-undang mengambil teori asas bahawa kanak-kanak terlalu muda untuk memahami makna persetujuan dan tidak sesuai mengadakan hubungan seks terutama pada usia yang terlalu muda. Apatah lagi dilakukan secara paksa dan haram pula iaitu sebelum bernikah.

Sebelum ini saya membincangkan sumbang mahram yang sememangnya diharamkan oleh Islam kerana hubungan akrab antara pelaku tanpa mengira persetujuan.

Jadi dalam kes rogol kanak-kanak ini (kerana kanak-kanak di bawah 18 tahun)

akan dikenakan perikatan kebenaran untuk bernikah.

Jadi, jika seorang lelaki misalnya berumur 25 tahun berkahwin dengan seorang wanita berumur 15 tahun dengan kebenaran Hakim Syarie, maka selepas akad nikah mereka mengadakan hubungan seks maka itu bukan rogol.

Kebanyakan kes permohonan untuk berkahwin di bawah umur adalah kerana pasangan telah terlanjur dan anak gadis telah mengandung. Pernikahan itu sebagai jalan penyelesaian menutup malu ibu bapa.

Kebanyakannya anak gadis berumur antara 14-16 tahun dan lelaki pula berumur di atas 18 tahun.

Jika ini berlaku, sebenarnya, laporan polis perlu dibuat. Manakala lelaki yang mengadakan hubungan seks dengan gadis bawah umur ini perlu didakwa di bawah peruntukan Kanun Keseksaan seksyen 375(e).

Namun, dalam kebanyakan kes tiada sebarang tindakan diambil kerana tiada aduan dan kedua-dua belah pihak mengambil keputusan untuk menikahkan pasangan yang terlibat.

Sebenarnya Seksyen 375(e) tidak mengira sama ada pasangan berkahwin atau tidak. Jika seseorang lelaki itu mengadakan hubungan seks dengan seorang gadis di bawah umur 16 tahun dia tetap akan dikira merogol walaupun selepas itu mereka berkahwin.

Namun hari ini, kesukarannya ialah walaupun perbuatan itu dianggap rogol di bawah undang-undang sivil, tetapi jika

berlaku.

Tiada gunanya mereka menyalahkan sebelah pihak dengan tuduhan rogol jika anak perempuan itu sendiri yang menyerahkan dirinya.

Saya sempat berbual dengan seorang kanak-kanak lelaki berumur bawah 18 tahun di Sekolah Henry Gurney atas kesalahan melakukan hubungan seks dengan rakan sekolahnya yang berumur di bawah 16 tahun.

Soalan yang ditanya kepada saya: "Kenapa saya sahaja yang perlu menjalani hukuman dan bukan kekasih saya? Kenapa dia (perempuan) boleh duduk di luar dan tidak dipenjara. Sedangkan apa yang kami lakukan adalah suka sama suka?"

Saya terkedu dan terus menjawab: "Di sisi Allah dia tetap berdosa kerana zina itu adalah antara dosa besar."

Anak muda berumur 17 tahun itu diam. Bila saya tanya tahukah dia bahawa mengadakan hubungan seks tanpa nikah itu dosa, dia mengangguk sambil mengakui ia adalah dosa.

Apabila ditanya mengapa masih melakukan dosa walaupun mengetahui? Akuinya, itu adalah runtunan nafsu dan bisikan syaitan.

Gejala sosial dalam kalangan remaja hari ini sangat membimbangkan dan mereka tidak mampu melawan hasutan syaitan dan kebanyakan pasangan remaja yang terlanjur, melakukan hubungan seks kerana rasa ingin tahu atau secara suka-suka.

membina hidup baru. Namun ramai juga yang memohon untuk berkahwin kerana tidak mahu didakwa kerana berzina dan menjalani hukuman penjara dan rotan.

Sebenarnya, berzina itu berdosa dan kanak-kanak juga perlu tahu dan takut akan hukuman Allah. Jika hubungan seks dilakukan oleh gadis bawah 18 tahun dengan rakannya yang juga bawah umur, itu berdosa dan perlu dihukum.

Maka hubungan seks yang dilakukan oleh orang dewasa kepada seorang kanak-kanak perempuan secara paksa sudah tentulah suatu kesalahan zina dan rogol yang perlu dihukum seberat-beratnya.

Merogol kanak-kanak adalah perbuatan tidak berperikemanusiaan. Kanak-kanak tersebut tidak berdosa dan tidak tahu apa yang berlaku kepadanya kecuali kesakitan.

Bayangkan kanak-kanak sekecil empat tahun dirogol dan kebanyakan mangsa akhirnya dibunuh. Rogol terhadap wanita dewasa pun menyebabkan mangsa mengalami trauma, apatah lagi jika mangsa adalah kanak-kanak.

Perogol perlu dikenakan hukuman yang berat kerana rogol adalah zina dan meragut maruah diri seseorang. Adalah diharapkan perbuatan terkutuk ini diadukan supaya yang bertanggungjawab perlu dihukum.